

UCAPAN

**YANG BERHORMAT
DATO SERI PADUKA HAJI KIFRAWI
BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI**

**PEMBUKAAN
TAHUN UNDANG-UNDANG 2005
HARI SELASA, 1 MAC 2005**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Amat Arif, Ketua Hakim dan Yang Arif, Hakim-Hakim
Mahkamah Besar

Yang Berhormat,

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama
Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama
Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas kepada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia, Awg David Teo

Ahli-Ahli Badan Peguam

Para tetamu

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Saya amat sukacita dapat berucap sekali lagi kepada Yang Amat Arif pada upacara seperti ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi hadir pada upacara pagi ini untuk melihat tradisi undang-undang yang amat penting di Negara Brunei Darussalam dan bagi membaharui ikrar kita untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam mendukung kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

Yang Amat Arif

Sepanjang tahun 2004, Jabatan saya sangat sibuk meneliti pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 dan Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) dan undang-undang lain seperti Perintah Perdagangan Manusia, Perintah Agensi Pekerjaan dan Perintah Pertubuhan. Saya dukacita kerana ini telah melambatkan penggubalan undang-undang lain, dan ini termasuklah draf undang-undang berkenaan dengan persatuan undang-undang, yang malangnya masih dalam senarai panjang draf undang-undang yang perlu kami tangani dengan segera.

Yang Amat Arif

Saya yakin kebanyakan daripada kita di sini sudah menerima buku yang bertajuk “Dokumen-Dokumen Perlembagaan” dalam bahasa Melayu dan juga Inggeris yang telah memasukkan pindaan-pindaan terbaru. Buku tersebut akan dapat dijual sedikit masa lagi dan boleh didapati di Jabatan saya.

Yang Amat Arif

Yang Amat Arif banyak meluangkan masa berucap mengenai “Keadilan” yang untungnya adalah salah satu subjek kegemaran saya. Oleh itu saya lebih suka dalam ucapan saya ini untuk menumpukan topik yang sama iaitu apa yang patut kita lakukan untuk berbuat Keadilan. Cabaran-cabaran yang kita hadapi pada setiap tahun biasanya sama. Di sini saya perlu mengulang apa yang telah saya katakan dahulu.

Yang Amat Arif

Untuk berbuat Keadilan kita sepatutnya mengelakkan kelambatan yang tidak munasabah dalam penyiasatan, pendakwaan dan pendengaran kes-kes. Kita selalu mendengar pepatah Keadilan

ditangguhkan adalah Keadilan dinafikan yakni *Justice delayed is Justice denied*. Beberapa tahun dahulu saya mendengar satu lagi pepatah mengenai Keadilan tetapi sedikit diubah suai apabila saya berjumpa seorang Pentadbir dan Pendaftar mahkamah dari India. Beliau mengatakan kepada saya dalam loghat India, Keadilan ditangguhkan adalah Keadilan dinafikan. Keadilan dipercepatkan adalah Keadilan dilupakan yakni *Justice delayed is Justice denied. Justice hurried is Justice buried*. Sedikit sebanyak saya bersetuju dengannya. Saya percaya apa yang dimaksudkan olehnya adalah, jika kamu melaksanakan keadilan terlalu laju hingga tidak memberi cukup masa kepada sama ada pendakwa atau plaintif atau defendan untuk menyediakan kes mereka, maka kamu tidak berbuat keadilan.

Yang Amat Arif

Ini tidak bermakna kita patut membiarkan kelambatan yang tidak munasabah dalam penyiasatan dan pendakwaan semua kes.

Kita sepatutnya memberi keutamaan kepada penyiasatan dan pendakwaan kes-kes jenayah berat. Kita sepatutnya juga memberi perhatian yang teliti terhadap kes-kes yang melibatkan aduan-aduan asing, saksi-saksi asing yang penting dan defendan-defendan

asing. Mereka mungkin mahu meninggalkan negara ini. Pada umumnya, agensi-agensi penguatkuasaan hendaklah memastikan supaya semua kes disiasat dan penyiasatan diselesaikan tanpa kelambatan yang tidak sepatutnya. Pihak pendakwa hendaklah kemudiannya mendakwa dengan segera kes-kes yang diputuskan untuk didakwa itu. Seperti lazimnya kita juga memerlukan bantuan jabatan-jabatan lain untuk mempercepatkan kerja mereka seperti dengan memberi Laporan Perubatan, Laporan Saintifik, Laporan Pengangkutan Darat dll. yang diperlukan

Yang Amat Arif

Saya bersetuju dengan Yang Amat Arif bahawa dalam melaksanakan keadilan kita mestilah tegas dan adil. Saya juga bersetuju dengan Yang Amat Arif sebagai manusia, kita mestilah berusaha seboleh-bolehnya sedaya yang termampu.

Yang Amat Arif

Untuk mengelakkan kelambatan yang tidak sepatutnya ini kita memerlukan tenaga manusia yang mencukupi dan terlatih dan mereka hendaklah diberikan kelengkapan yang betul untuk menjalankan kerja mereka. Pegawai-Pegawai Penguatkuasaan dan

Peguam-Peguam kita termasuk peguam-peguam persendirian, Pegawai-Pegawai Undang-Undang dan Kehakiman hendaklah diberikan latihan secara terus-menerus. Bangunan kita (Jabatan Peguam Negara, Bangunan Mahkamah dll) hendaklah mempunyai kakitangan sokongan yang mencukupi dan terlatih, peralatan moden (seperti komputer) dan kemudahan yang sepatutnya untuk memenuhi keperluan asas kakitangan, peguam-peguam kita dan orang ramai.

Yang Amat Arif telah menyebut kekurangan bilik perbicaraan. Saya ingat kita pernah mempunyai Bilik Memakai Jubah bagi Peguam-Peguam dan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya. Malangnya Bilik ini, saya percaya, telah ditukar menjadi kamar mahkamah. Mereka memerlukan bilik bukan sahaja untuk menukar pakaian mereka tetapi juga untuk menyegarkan diri mereka. Pada kebiasaannya peguam-peguam perempuan hendaklah ditempatkan di dalam sebuah bilik yang berasingan. Peguam-peguam juga tidak mempunyai bilik khas di dalam Mahkamah untuk berbincang dengan anak guam mereka. Yang Amat Arif, saya berharap apabila bangunan baru itu siap pada tahun ini, sebuah Bilik Memakai Jubah akan diuntukkan di dalam bangunan ini. Saya juga berharap bahawa apabila Pejabat Pendaftaran Syarikat, Perniagaan dan Tanda Perniagaan berpindah

ke bangunan baru ini yang masih dalam pembinaan, pegawai-pegawai muda di Jabatan saya akan mempunyai ruang yang lebih dan dengan yang demikian keadaan bekerja yang lebih baik.

Yang Amat Arif, saya yakin dengan mempunyai suasana bekerja yang teratur akan menggalakkan kecekapan dan dengan yang demikian produktiviti.

Yang Amat Arif

Mereka yang merekabentuk bangunan mahkamah hendaklah mengambil kira cahaya matahari, udara segar di luar bangunan, keperluan keselamatan dan pada umumnya kehendak-kehendak pengguna seperti kakitangan mahkamah, pegawai-pegawai penguatkuasaan, peguam-peguam, saksi-saksi, orang cacat dan orang ramai. Negara ini mempunyai udara segar. Walaupun bangunan-bangunan kita biasanya berhawa dingin, bangunan-bangunan hendaklah juga mempunyai tingkap yang mudah dibuka supaya udara segar masuk.

Yang Amat Arif

Kita perlu menimbangkan ciri-ciri tambahan atau ciri-ciri yang diperbaiki lain yang boleh diberikan dalam sistem keadilan kita seperti:

- (a) Bantuan guaman bagi kes-kes jenayah berat yang tidak membawa hukuman mati dan bagi kes-kes sivil yang tertentu. Ini mungkin sangat mahal;
- (b) Mahkamah-mahkamah tuntutan kecil;
- (c) Mahkamah-mahkamah Juvenil yang menangani pesalah-pesalah muda.

Yang Amat Arif, kita sudah pun menyebut idea-idea ini dahulu. Idea-idea ini biasanya “senang dicakapkan” daripada “melaksanakannya”.

Untuk melaksanakan idea-idea ini, kita bukan sahaja memerlukan peruntukan yang diperlukan tetapi juga menghendaki tenaga manusia yang terlatih. Misalnya, untuk mengendalikan mahkamah tuntutan kecil dan mahkamah juvenil, kita memerlukan kakitangan terlatih di sisi undang-undang, jurubahasa mahkamah dan kakitangan terlatih untuk menjaga kanak-kanak. Pesalah-pesalah juvenil perlu ditahan di sebuah bangunan yang sesuai.

Yang Amat Arif

Tentang bantuan guaman, ia biasanya diberikan hanya kepada defendan-defendan (termasuk bukan warganegara Brunei) yang dituduh melakukan kesalahan-kesalahan hukum bunuh (kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum mati). Negara ini telah pun memberikan rakyat kita pendidikan percuma, dan perkhidmatan perubatan dan rancangan perumahan yang disubsidi. Kita juga tidak mengenakan cukai pendapatan kepada rakyat kita. Untuk menghulurkan bantuan guaman bagi kes-kes yang tidak membawa hukuman mati akan melibatkan komitmen kewangan yang besar. Sementara kita masih memikirkan mengenainya, mungkin di masa akan datang Persatuan Undang-Undang kita akan menimbangkan dapat memberi bantuan guaman kepada defendan-defendan yang miskin.

Yang Amat Arif

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai saya daripada pelbagai Bahagian di dalam Jabatan saya iaitu Keadilan Jenayah, Sivil, Undang-Undang Antarabangsa, Penggubalan Undang-Undang dan Pejabat Pendaftaran kerana usaha keras mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Kementerian dan Jabatan terutama sekali Jabatan Perdana Menteri kerana semua sokongan mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawainya serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri kerana bantuan dan kerjasama mereka dan usaha berterusan mereka dalam mengekalkan dan memelihara undang-undang dan ketenteraman.

Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya berharap hubungan baik di antara Jabatan saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian akan berterusan pada tahun-tahun akan datang. Kita semua bertanggungjawab untuk mendukung keutuhan Sistem Undang-Undang kita.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini semoga maju jaya.